

**NOTIS PENTING**  
**INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT**

## LEMBARAN PENJELASAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penjelasan Produk ini bersama-sama dengan Terma dan Syarat produk sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk menerima Akaun Pelaburan PrimeInvest-i

### Akaun Pelaburan PrimeInvest-i

Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM

Tarikh: \_\_\_\_\_

#### MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

##### 1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?

<b>Kontrak Syariah yang digunakan</b>	Konsep Syariah yang digunakan bagi produk ini adalah <b>wakalah bi al-istithmar</b> di mana ia merujuk kepada satu bentuk kontrak <b>wakalah</b> (atau kontrak agensi) yang dibuat untuk tujuan pelaburan.  " <b>Wakalah</b> " bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak yang menjadi prinsipal ( <b>muwakkil</b> ) mewakili pihak lain ( <b>wakil</b> ) untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran proses.  Di bawah produk ini, Pemegang Akaun Pelaburan (" <b>IAH</b> ") sebagai <b>muwakkil</b> atau prinsipal atau pelabur memberi kuasa kepada Bank sebagai <b>wakil</b> atau ejen untuk mengusahakan aktiviti pelaburan dan sebagai balasan, Bank berhak untuk insentif prestasi ke atas perkhidmatan yang disediakan, bergantung kepada prestasi aset-aset pelaburan.
<b>Jenis Akaun Pelaburan</b>	<b>Akaun Pelaburan Tidak Terhad:</b> Merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana IAH memberikan mandat untuk membuat keputusan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.
<b>Pihak-pihak yang Terlibat dalam Aktiviti Pelaburan serta Peranan dan Tanggungjawab</b>	Pihak-pihak yang terlibat adalah IAH sebagai Pemegang Akaun Pelaburan dan Bank bertindak sebagai ejen untuk melaksanakan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Pihak Bank bertanggungjawab menguruskan pelaburan yang dilaburkan oleh IAH.

#### KESESUAIAN PRODUK

##### 2. Siapakah yang layak bagi produk ini?

<b>Jenis Pelabur</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Entiti perniagaan seperti Syarikat, Komersial, PKS</li> <li>▪ Badan kerajaan.</li> <li>▪ Semua entiti sah yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan / Pendaftar Syarikat / Pendaftar Pertubuhan/ Suruhanjaya Syarikat Malaysia.</li> <li>▪ Institusi kewangan tempatan</li> <li>▪ Institusi kewangan asing yang dibenarkan</li> </ul>
<b>Objektif Pulangan</b>	Mengekalkan modal sambil memberikan pulangan yang stabil sepanjang tempoh pelaburan yang dipersetujui

#### CIRI-CIRI PRODUK UTAMA

##### 3. Apakah jenis pelaburan yang kami laburkan?

<b>Objektif Pelaburan</b>	Menghasilkan pulangan yang menarik dan stabil sambil mengambil kira faktor pemeliharaan modal.
<b>Strategi Pelaburan</b>	Dana ini akan dilaburkan dalam portfolio aset Bank dengan harga yang kompetitif dan dengan profil risiko rendah hingga sederhana.
<b>Aset Pendasar</b>	Dana ini akan dilaburkan dalam portfolio Pembiayaan Peribadi Bank.
<b>Penilaian Risiko terhadap prestasi aset pelaburan</b>	IAH akan diberikan maklumat mengenai prestasi aset pendasar melalui Lembaran Pendedahan Produk (" <b>PDS</b> "). Sebagai tambahan, prestasi berkala juga tersedia di laman web Bank untuk keputusan pelaburannya.
<b>Pelaburan Minimum</b>	RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu)
<b>Mata Wang</b>	Ringgit Malaysia sahaja
<b>Tempoh Pelaburan</b>	Minimum 1 hari hingga maksimum 60 bulan (5 tahun)
<b>Kaedah Pembayaran Keuntungan</b>	Keuntungan diagihkan apabila mencapai tempoh matang atau secara berkala. <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sekiranya Kadar Keuntungan Sebenar <b>lebih tinggi daripada</b> (atau <b>sama dengan</b>) Kadar Keuntungan Dijangka: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bank akan membayar Kadar Keuntungan Dijangka kepada IAH; dan</li> <li>▪ Sebarang lebihan akan disimpan oleh Bank sebagai insentif prestasi</li> </ul> </li> </ul>

- ii. Sekiranya Kadar Keuntungan Sebenar **kurang daripada** Kadar Keuntungan Dijangka;
- Bank bertanggungjawab untuk membayar Keuntungan Sebenar kepada Pelabur;
  - Bank tidak berhak untuk menerima insentif prestasi;
  - Kerugian (jika ada) akan ditanggung oleh Pelabur dengan syarat bahawa kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu Bank.

Pulangan Pelaburan dikira seperti berikut;

$$\text{Pulangan Pelaburan} = \text{Jumlah Pelaburan} \times \text{Kadar Keuntungan Sebenar} / \text{Dijangka} \times \text{Tempoh} / 365 \text{ atau } 366$$

**Ilustrasi**

Amaun Pelaburan	= RM500,000
Tempoh Pelaburan	= 3 months (91 days)
Kadar Keuntungan Dijangka	= 3.05%

**Scenario 1: Kadar Keuntungan Sebenar lebih tinggi daripada Kadar Keuntungan Dijangka**

Kadar Keuntungan Sebenar	= 3.30%
Pulangan Pelaburan	= RM500,000 x 3.05% x 91/365 = RM3, 802.05

**Scenario 2: Kadar Keuntungan Sebenar kurang daripada Kadar Keuntungan Dijangka**

Kadar Keuntungan Sebenar	= 2.90%
Pulangan Pelaburan	= RM500,000 x 2.90% x 91/365 = RM3,615.07

Tempoh pelaburan untuk sebarang penempatan dana pelaburan yang menggunakan cek akan bermula selepas pelepasan cek.

<b>Penebusan Kaedah</b>	<b>Semasa Matang</b>	IAH boleh menerima semua jumlah prinsipal yang ada dengan keuntungan yang perlu dibayar.
	<b>Penebusan Awal</b>	<p>Penebusan Awal dibenarkan dengan syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dengan notis 31 hari - hanya 50% keuntungan akan dibayar kepada IAH.</li> <li>▪ Tanpa notis 31 hari - Tiada keuntungan akan dibayar kepada IAH. IAH akan melepaskan hak mereka untuk menerima sebarang keuntungan dari Bank.</li> </ul> <p>Syarat di atas tidak terpakai untuk penempatan dana pelaburan selama 1 bulan dan ke bawah. IAH boleh menarik balik jumlah pelaburan pada bila-bila masa dan akan menerima 50% daripada keuntungan terakru (jika ada) berdasarkan jumlah hari pelaburan.</p>
	<b>Penebusan Sebahagian</b>	Penebusan sebahagian pelaburan tidak dibenarkan
<b>Pembaharuan Pelaburan</b>	<p>Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh IAH, pihak Bank akan memperhaharui akaun tersebut secara automatik setelah tamat tempoh penempatan dana pelaburan sedia ada.</p> <p>Setiap perubahan pada kadar keuntungan dari akaun yang diperbaharui tertakluk kepada Kadar Keuntungan Dijangka semasa Bank yang dipaparkan. Perubahan pada kadar keuntungan hanya akan berlaku setelah tamatnya tempoh penempatan dana pelaburan sedia ada.</p>	

**4. Apakah hasil yang mungkin kami dapat daripada pelaburan kami?**

- (a) Pulangan IAH akan bergantung pada prestasi aset pendasar seperti ilustrasi di bawah:

Ilustrasi	Kadar Dasar Semalaman (OPR)	Pulangan Kasar Aset (ROA)	Kadar Keuntungan Dijangka (EPR)	Pulangan kepada IAH (berdasarkan tempoh 12 bulan)
Pasaran terbaik	2.25%	3.25%	3.05%	<b>3.05%</b>
Pasaran terburuk	1.75%	2.75%	3.05%	<b>2.75%</b>

(Nombor di atas hanya untuk tujuan ilustrasi)

**Nota Penting:**

- Ilustrasi pasaran terbaik dan terburuk adalah berdasarkan pergerakan Kadar Dasar Semalaman (OPR) +/- 25bps dari kadar OPR semasa 2.00%. Tahap OPR dianggap memberi kesan langsung kepada pulangan melalui pemindahan penuh / penurunan OPR kepada pulangan portfolio dengan semua faktor adalah tidak berubah.
- Hasil yang ditunjukkan dalam ilustrasi pasaran terbaik dan terburuk tidak boleh ditafsirkan sebagai hasil sebenar.

- (b) Berikut adalah pencapaian portfolio aset pendasar Bank (Pembiayaan Peribadi-i) untuk tempoh lima (5) tahun:

Tahun Kewangan sehingga 31 Disember	Pulangan Kasar Aset (ROA) <sup>2</sup>	Pulangan kepada IAH
2019	5.79%	Berdasarkan Kadar Keuntungan Dijangka / Sebenar yang dipersetujui semasa penempatan dana pelaburan dilakukan.
2018	6.90%	
2017 <sup>1</sup>	4.68%	
2016 <sup>1</sup>	5.61%	
2015 <sup>1</sup>	4.88%	

**Nota Penting: "Prestasi pelaburan masa lalu bukanlah petunjuk prestasi masa depannya"**

**Nota:**

- <sup>1</sup> Sebelum tahun 2018, produk Pembiayaan Peribadi-i adalah merupakan aset kepada Malaysia Building Society Berhad ("MBSB"), syarikat pemegang kewangan Bank. Pada tahun 2018, selepas pengambilalihan Bank (sebelumnya dikenali sebagai Asian Finance Bank), MBSB kemudian menjadikan kesemua aset dan liabiliti sebagai patuh Syariah (termasuk semua aset Pembiayaan Peribadi-i) ke Bank melalui Member Scheme Arrangement.
- <sup>2</sup> ROA adalah berdasarkan prestasi tahun-tahun sebelumnya.

**RISIKO UTAMA**

**5. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

Bank akan menggunakan kawalan pengurusan risiko ke atas aktiviti portfolio, perundangan dan operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan terhadap objektif dan parameter pelaburan, penilaian, pemantauan prestasi dan lain-lain berpandukan Dasar Akaun Pelaburan BNM. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, apabila pasaran mengalami kesukaran, Bank boleh menguruskan peruntukan asetnya untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut masih dalam lingkungan objektif pelaburan Dana.

IAH harus mengetahui pelbagai risiko yang berkaitan dengan IA-i, risiko utama yang mungkin terdedah kepada IAH adalah seperti berikut;

<b>Risiko Pasaran</b>	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelabur akan mengalami kekurangan atau kerugian disebabkan oleh perubahan faktor pasaran yang akan mempengaruhi prestasi keseluruhan pada aset pendasar. Ini akan dikendalikan oleh Bank berdasarkan dari rangka kerja risiko yang telah diluluskan.
<b>Risiko Kehilangan Modal</b>	Ini merujuk kepada risiko pengurangan kepada nilai asal pelaburan. Ini akan dikendalikan oleh Bank melalui penyeimbangan semula portfolio, dimana ia merupakan suatu proses pemilihan aset yang bersesuaian bagi mematuhi strategi dan tujuan pelaburan.
<b>Risiko Kecairan</b>	Risiko kecairan merujuk kepada risiko bahawa Bank berkemungkinan tidak dapat memenuhi tuntutan kewangan jangka pendek iaitu pengeluaran dari IAH. Bank akan menguruskan risiko kecairan berdasarkan dari rangka kerja risiko dalaman dan luaran.
<b>Risiko Kredit</b>	Risiko ini timbul apabila aset pendasar dana mengalami kegagalan pembayaran pembiayaan. Bank akan menguruskannya melalui pemilihan aset yang memenuhi syarat dan pemantauan yang ketat untuk memastikan pelaburan selari dengan strategi dan objektif pelaburan.
<b>Risiko Pelaburan Tertumpu</b>	Risiko penumpuan pelaburan akan terjadi apabila pendedahan berlebihan terhadap jenis aset tertentu, satu rakan niaga, satu lokasi geografi atau yang lain-lain. Aset pendasar dipelbagaikan berdasarkan jenis segmen pasaran yang dibiayai oleh aset tersebut. Selain itu, Bank akan memastikan pelaburan tersebut sesuai dengan dasar dalaman dan luaran.
<b>"Anda dinasihatkan untuk berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan"</b>	

**YURAN AND CAJ**

**6. Apakah yuran dan caj yang dikenakan kepada kami?**

Tidak ada yuran dan caj untuk produk ini. Bank pada masa ini mengetepikan Yuran *wakalah*.

**PENILAIAN**

Bank akan membuat penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS9") yang akan dilaksanakan secara bulanan.

IAH boleh mendapatkan maklumat berkaitan Akaun Pelaburan seperti Laporan Prestasi Dana di laman web Bank iaitu [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com).

**MAKLUMAT HUBUNGAN**

**7. Siapakah yang perlu kami hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?**

Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:	Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi:
Pengurusan Pengalaman Pelanggan Tingkat 25, Menara MBSB Bank, PJ Sentral Lot 12, Persiaran Barat, Section 52 462000 Petaling Jaya, Selangor Tel. No. : 03 - 2096 3000 Email : <a href="mailto:complaint@mbsbbank.com">complaint@mbsbbank.com</a> / <a href="mailto:enquiry@mbsbbank.com">enquiry@mbsbbank.com</a>	Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Phone : 1-300-88-5465 Faks : +603-2174 1515 Emel : <a href="mailto:bnmtelemail@bnm.gov.my">bnmtelemail@bnm.gov.my</a>

### PENGISYTIHARAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN

Kami, mengesahkan bahawa kami telah membaca dan memahami dan bersetuju dengan Lembaran Penjelasan Produk bagi Akaun Pelaburan PrimeInvest-i ("IA-i") seperti di atas.

Untuk dan bagi pihak [Nama Pemegang Akaun Pelaburan]:

Nama Penandatanganan yang Diberi Kuasa: Jawatan: Tarikh:

Nama Penandatanganan yang Diberi Kuasa: Jawatan: Tarikh:

### AMARAN

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN ("IAH") MEMPUNYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DICAIRKAN SEBELUM TARIKH MATANG, IAH MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**

Maklumat dalam Lembaran Penjelasan Produk ini sah pada

: \_\_\_\_\_